

14 NOV 1997

Pelancong-Pakej

SEGI OBJEKTIF RANCANG PAKEJ PELANCONG

IPOH, 14 Nov (Bernama) -- Segi Objektif (M) Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan Emkay, bersama Kerajaan Perak sedang merancang pakej percutian bersama ke beberapa buah destinasi pelancongan utama di Perak Utara, kata Pengerusi Kumpulan itu, Datuk Mustaffa Kamal Abu Bakar.

Menurut beliau, selain menghabiskan masa sehari di Taman Tema Air projek Bandar Tasek Bukit Merah yang dibangunkan oleh syarikat itu, pelancong akan dibawa ke Santuari Burung Kuala Gula, Hutan Simpan Bakau di Kuala Sepetang dan bandar Taiping.

Bagi peminat golf pula, mereka boleh menghabiskan masa sehari bermain golf di Bukit Jana Country and Golf Resort di Kamunting, yang dibeli syarikat itu baru-baru ini, katanya kepada pemberita di sini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan projek itu. Sempena perasmian itu, orang ramai dibenarkan masuk secara percuma ke taman tema air yang sepatutnya perlu membayar RM15 seorang bagi dewasa.

Mustaffa berkata, bagi menjayakan pakej itu, Segi Objektif akan mempelawa Lembaga Penggalakan Pelancongan serta agensi pelancong tempatan dan dari Pulau Pinang dalam rangka kerjanya.

Menurutnya, sebelum ini usaha menarik pelancong ke destinasi utama itu tidak dapat dilakukan secara berkesan kerana kurang kemudahan termasuk penginapan di kawasan persekitaran.

Bagaimanapun, dengan siapnya 174 buah bilik hotel di kawasan rekreasi air itu kira-kira dua bulan lepas, usaha menarik pelancong ke Utara Perak itu boleh dilakukan dengan berkesan melalui strategi yang tersusun, tambah beliau.

Mengenai penjagaan kualiti air di Tasek Bukit Merah yang membekalkan air minuman dan pengairan, beliau berkata, syarikat akan memastikan ia sentiasa terpelihara daripada sebarang pencemaran kerana Segi Objektif menghabiskan dua tahun semata-mata hanya untuk merancang projek itu sebelum melakukan kerja-kerja awal di situ.

Beliau berkata, Lembaga Air Perak mengambil contoh air di tasek itu setiap bulan dan sejak projek itu dijalankan, kualiti air tidak terjejas.

Projek itu juga menyediakan logi penapisan najis yang rapi dan selepas diproses, air kumbahan itu disalurkan terus ke sungai Air Kering yang mengalir ke laut. -- BERNAMA

LAT PR